

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN RAMKARPAL SINGH A/L
KARPAL SINGH
[BUKIT GELUGOR]

TARIKH : 19 November 2015

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang meminda '*Judicial Appointment Commission Act, 2009*' (Akta 695) untuk mengecualikan penglibatan Perdana Menteri dalam pemilihan hakim-hakim selaras dengan prinsip "*separation of power*" dan untuk menegakkan kebebasan badan kehakiman sepertimana tujuan Akta tersebut.

JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Akta Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman 2009 (Akta 695) telah diluluskan oleh Parlimen pada 23 Disember 2008 dan telah diwartakan pada 8 Januari 2009. Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman (SPK) telah ditubuhkan untuk meningkatkan ketelusan dan keadilan dalam pemilihan dan pelantikan hakim mahkamah atasan di Malaysia.
2. SPK diberi tanggungjawab untuk memilih calon berkelayakan sebagai hakim mahkamah atasan untuk pertimbangan Perdana Menteri seperti mana yang diperuntukkan di bawah seksyen 26 Akta 695.
3. Suruhanjaya akan memilih tidak kurang daripada dua orang calon bagi setiap kekosongan jawatan kecuali bagi Mahkamah Tinggi yang membenarkan memilih tidak kurang daripada tiga orang calon bagi setiap kekosongan jawatan. Seksyen 28 Akta 695 hanya menerangkan peranan Perdana Menteri untuk memberi nasihatnya mengikut Perkara 122B Perlembagaan Persekutuan selepas menerima calon-calon yang disyorkan oleh Suruhanjaya. Perdana Menteri langsung tidak terlibat dalam proses tersebut.
4. Perkara 122B Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan Hakim-Hakim Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Tinggi hendaklah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong

atas nasihat Perdana Menteri selepas berunding dengan Majlis Raja-Raja. Sebelum memberikan nasihatnya tentang pelantikan seseorang hakim, selain pelantikan Ketua Hakim Negara, Perdana Menteri hendaklah berunding dengan Ketua Hakim Negara.

5. Oleh yang demikian, proses pemilihan oleh SPK adalah mendahului dan menyempurnakan proses pelantikan yang diperuntukkan di bawah Perkara 122B Perlembagaan Persekutuan.

6. Penglibatan Perdana Menteri dalam proses pelantikan hakim-hakim mahkamah atasan telah diperuntukkan serta diperjelaskan di bawah Perlembagaan Persekutuan. Proses yang diperuntukkan di bawah Akta 695 merupakan proses yang mendahului proses pelantikan di bawah Perlembagaan Persekutuan sebagaimana yang dinyatakan di bawah seksyen 26, seksyen 27 dan seksyen 28 Akta tersebut.

7. Pada masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk meminda peruntukan-peruntukan yang terdapat di dalam Akta ini yang berkaitan dengan urusan pemilihan dan pelantikan hakim-hakim mahkamah atasan yang dilantik berdasarkan Perlembagaan Persekutuan dan Akta 695.

Sekian, terima kasih.